



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Jabatan Pendidikan Negeri Johor  
Jalan Tun Abdul Razak  
80604, Johor Bahru  
Johor Darul Ta'zim

Telefon : 07-231 0000  
Pengarah : 07-231 0198  
Timbalan : 07-231 0191  
Faks : 07-234 7132  
Laman Web : [www.jpnjohor.moe.gov.my](http://www.jpnjohor.moe.gov.my)  
E-mel : [jpn.johor@moe.gov.my](mailto:jpn.johor@moe.gov.my)

Rujukan Kami: JPNJ.SPA.600-10/2/19 (91)  
Tarikh : 28 Mac 2019

**Semua Pegawai Pendidikan Daerah,  
Negeri Johor.  
(u.p: Penolong PPD Sains & Matematik Menengah)**

Tuan,

**JEMPUTAN MENYERTAI PERTANDINGAN MATEMATIK UIAM 2019 (IMC2019)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat daripada Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Sektor Operasi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, bertarikh 11 Februari 2019 No rujukan KPM.600.14/1/20 Jld 27 ( ) dan surat daripada Universiti Islam Antarabangsa, Kampus Kuantan Pahang bertarikh 24 Februari 2019, No. Ruj: IIUM/307/CTS/2/1/IMC2019 adalah berkaitan.

2. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan sesalinan surat tersebut yang jelas menerangkan maksud perkara di atas untuk dipanjangkan ke semua sekolah menengah di bawah pentadbiran tuan.

3. Sila hubungi Tuan Haji Zulkapli bin Ayob, Penolong Pengarah Matematik di talian 019-7665283 atau 07-2310172 untuk sebarang pertanyaan. Kerjasama tuan dalam hal ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
( AZMAN BIN ADNAN )

Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Johor  
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Johor

JY/mfj



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA  
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN  
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E  
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E  
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
52604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302  
Fax : +603-8888 6680  
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Rujukan Kami : KPM.600.14/1/20 Jld 27( )

Tarikh : 11 Februari 2019  
6 Jamadil Akhir 1440 H

YBrs. Dr. Nurul Najihah Mohamad  
Pengerusi Program Pertandingan Matematik UIAM (IMC) 2019  
Jabatan Pengkomputeran dan Sains Teori, Kulliyyah Sains,  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,  
Bandar Indera Mahkota,  
25200 Kuantan, Pahang.

YBrs. Dr.,

#### **KELULUSAN PERMOHONAN MENGANJURKAN PERTANDINGAN MATEMATIK UIAM (IMC) 2019**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat berbesar hati dan sentiasa mengalu-alukan usaha pihak agensi luar dalam menyokong pembangunan pendidikan murid-murid negara ini. Usaha ini adalah sejajar dengan hasrat Anjakan ke-9 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

3. Oleh itu, KPM tiada halangan bagi pihak YBrs. Dr. untuk meneruskan Pertandingan Matematik UIAM (IMC) 2019 atau *IUM Mathematics Competition (IMC 2019)*. Perkara ini adalah sejajar dengan usaha memperkukuhkan minat murid terhadap bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

4. Kementerian ini memutuskan bahawa Pertandingan Matematik UIAM (IMC) 2019 diiktiraf sebagai program kokurikulum mengikut peringkat pelaksanaan samada peringkat sekolah/ negeri/kebangsaan (berdasarkan laporan yang diterima kelak). Pertandingan ini juga tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 9/2004 - Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah Dalam Program atau Aktiviti Anjuran Agensi-Agensi Selain Daripada Agensi di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Aspek kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan murid hendaklah diutamakan seperti yang terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.8/2009 dan Bil. 7/1988 yang antaranya mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. Mendapat kebenaran daripada Pengetua/Guru Besar sekolah-sekolah yang terlibat;
- ii. Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;
- iii. Murid-murid dan guru serta pihak sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini.

- iv. Persetujuan dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga murid yang menyertai program berkenaan;
- v. Penglibatan murid juga perlu diiringi oleh guru sekolah berkenaan;
- vi. Penglibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- vii. Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan; dan
- viii. Penggunaan Jata Negara dengan perkataan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memaklumkan akan kerjasama program ini dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan sebarang logo yang berkaitan dibenarkan hanya untuk *backdrop*, *banner*, *sijil*, *cenderamata*, *kad jemputan* serta buku program sahaja dan tidak dibenarkan untuk tujuan mendapatkan tajaan atau lain-lain yang bertujuan komersial.

5. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa penyertaan guru dan murid dalam program tersebut tidak akan memberikan implikasi kewangan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah yang terlibat. Pihak YBrs. Dr. juga diminta berbincang dan mendapat kebenaran Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri, Pengetua, Guru Besar dan Persatuan sekolah yang berkenaan terlebih dahulu agar tidak menimbulkan sebarang implikasi yang negatif daripada program yang dijalankan. Bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Pelaksanaan Program/Aktiviti Kokurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Agensi Luar untuk makluman dan tindakan pihak YBrs. Dr. Pihak YBrs. Dr. juga diingatkan bahawa semua surat menyurat berkaitan program ini hendaklah melalui Kementerian Pendidikan Malaysia/Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah dan bukan terus kepada pihak sekolah.

6. Kelulusan ini adalah hanya untuk **Pertandingan Matematik UJAM (IMC) 2019** yang dinyatakan dan tamat tempohnya pada 31 Disember 2019. Pihak YBrs. Dr. juga dipohon menghantar laporan ringkas program (*soft copy*) mengikut format (lampiran 1) yang dilampirkan bersama-sama surat ini selepas 2 minggu program selesai dijalankan, sementara laporan penuh program bolehlah dihantar di akhir tahun 2019. Pegawai Bahagian Pendidikan Sukan dan Seni, Kementerian Pendidikan Malaysia, Pn. Zalina Kamis (03-8872 1626 atau emel: [zalina.kamis@moe.gov.my](mailto:zalina.kamis@moe.gov.my)) sedia membantu untuk memberikan penjelasan lanjut.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(SHAARI BIN OSMAN)

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Sektor Operasi Pendidikan)  
Kementerian Pendidikan Malaysia

ZK/zk

- s.k:
1. Pengarah, Bahagian Pendidikan Sukan dan Seni.
  2. Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri.



IIUM/307/CTS/2/1/IMC2019

24hb Februari 2019

Pengetua,  
(u.p.: Ketua Panitia Matematik)

Tuan/Puan,

### JEMPUTAN MENYERTA PERTANDINGAN MATEMATIK UIAM 2019 (IMC2019)

Merujuk perkara di atas, kami ingin menjemput pihak tuan/puan untuk menyertai Pertandingan Matematik UIAM 2019 atau lebih dikenali sebagai *IIUM Mathematics Competition (IMC2019)*.

2. Untuk pengetahuan pihak tuan/puan, pertandingan matematik adalah acara tahunan anjuran Jabatan Sains Pengkomputeran dan Teori, Kulliyah Sains, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Penyertaan dibuka kepada pelajar peringkat menengah khususnya pelajar Tingkatan 4 dan 5 dari negeri Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Kelantan dan Terengganu.

3. Pertandingan IMC2019 akan dijalankan dalam **DUA** peringkat iaitu *ujian kelayakan* dan *peringkat akhir*. Peringkat saringan (ujian kelayakan) akan diadakan di sekolah masing-masing, manakala peringkat penentuan bagi peserta terpilih pula diadakan di Kulliyah Sains, UIAM Kuantan.

4. Berikut adalah butir-butir terperinci pertandingan ini:

#### Ujian Kelayakan

Tarikh	: 19hb Jun 2019 (Rabu)
Masa	: 2:00 – 4:00 petang
Tempat	: Ditentukan oleh pihak sekolah
Bilangan pelajar	: 40 orang (maksimum) bagi setiap sekolah

#### Peringkat Akhir

Tarikh	: 18 September 2019 (Rabu)
Tempat	: Kulliyah Sains, UIAM Kuantan, Pahang.
Bilangan pelajar	: 40 orang pelajar sahaja yang terpilih dari ujian kelayakan.

5. Sekiranya pihak tuan/puan berminat untuk menyertai pertandingan ini, berikut adalah maklumat berkaitan pendaftaran penyertaan:

Yuran pendaftaran	: RM10 bagi setiap pelajar
Tarikh tutup pendaftaran	: <b>12 JUN 2019</b>



Untuk mendaftar, setiap sekolah perlu menghantar borang pendaftaran dan bukti pembayaran yuran pendaftaran melalui laman sesawang rasmi IMC: [www.iium.edu.my/imc](http://www.iium.edu.my/imc) atau terus ke borang penyertaan atas talian di <https://form.jotform.me/90478622073459>.

Pembayaran boleh dibuat secara pemindahan dana elektronik (EFT) ke akaun bank seperti berikut:

Nama akaun : IIUM KUANTAN  
Nombor akaun : 0601 000 2738 719  
Nama bank : MUAMALAT MALAYSIA BERHAD  
Cawangan : KUANTAN

Pendaftaran hanya sah setelah pembayaran yuran pendaftaran berjaya dilakukan. Tambahan pula, sijil penyertaan peringkat kebangsaan akan diberikan kepada pelajar yang menyertai ujian kelayakan.

6. Bersama-sama ini turut dilampirkan surat kelulusan dari pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menjalankan program ini.

7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, tuan/puan boleh berhubung dengan Dr Nurul Najihah binti Mohamad di talian 09-5715082 atau alamat emel [cts@iium.edu.my](mailto:cts@iium.edu.my).

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**DR NURUL NAJIHAH BINTI MOHAMAD**  
Pengerusi Program Pertandingan Matematik UIAM 2019 (IMC 2019)  
Jabatan Sains Pengkomputeran dan Teori,  
Kulliyah Sains, UIAM

s.k. : Prof. Madya Dr Shahbudin Saad  
Dekan, Kulliyah Sains, UIAM

Dr Nurul Farahain Mohammad  
Ketua, Jabatan Sains Pengkomputeran dan Teori,  
Kulliyah Sains, UIAM





KULLIYAH OF SCIENCE

IUM/307/CTS/2/1/IMC2019

24<sup>th</sup> Februari 2019

Tuan Haji Shaharudin bin Sharif,  
Pengarah Pendidikan Negeri Johor,  
Jabatan Pendidikan Negeri Johor,  
Wisma Pendidikan,  
Jalan Tun Abdul Razak,  
80604 Johor Bharu.



Handwritten notes: K. S. SPK / SPA, 7 MAR 2019, 15/3

Tuan,

**PERMOHONAN JEMPUTAN MENYERTA PERTANDINGAN MATEMATIK UIAM 2019 (IMC2019)**

Merujuk perkara di atas, kami ingin memohon keizinan untuk menjemput sekolah-sekolah menengah di bawah kelolaan pihak tuan untuk menyertai Pertandingan Matematik UIAM 2019 atau lebih dikenali sebagai *IUM Mathematics Competition (IMC2019)*.

2. Untuk pengetahuan pihak tuan, pertandingan matematik ini adalah acara tahunan yang dianjurkan oleh Jabatan Sains Pengkomputeran dan Teori, Kulliyah Sains, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Para pelajar akan mendapat pengalaman yang lebih menarik berkaitan matematik dan sedikit pendedahan awal bagaimana matematik berkembang di peringkat universiti. Tambahan pula, para pelajar turut diberikan sijil yang merupakan sijil peringkat kebangsaan apabila menyertai ujian kelayakan.

3. Penganjuran pertandingan ini juga telah mendapat kelulusan dari pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Oleh hal yang demikian, kami ingin mendapatkan kebenaran dari pihak tuan untuk membuat hebahan dan sekaligus menjemput sekolah-sekolah menengah dari negeri Johor bagi menyertai pertandingan ini.

4. Pertandingan IMC2019 akan dijalankan dalam DUA peringkat iaitu *ujian kelayakan* dan *peringkat akhir*. Peringkat saringan (ujian kelayakan) akan diadakan di sekolah masing-masing, manakala peringkat penentuan bagi peserta terpilih pula diadakan di Kulliyah Sains UIAM Kuantan. Berikut adalah butir-butir terperinci pertandingan ini:

**Ujian Kelayakan:**

- Tarikh : 19hb Jun 2019 (Rabu)
- Masa : 2:00 – 4:00 petang
- Tempat : Ditentukan oleh pihak sekolah
- Bilangan pelajar : 40 orang (maksimum) bagi setiap sekolah

**Peringkat Akhir**

- Tarikh : 18 September 2019 (Rabu)
- Tempat : Kulliyah Sains, UIAM Kuantan, Pahang.
- Bilangan pelajar : 40 orang pelajar sahaja yang terpilih dari ujian kelayakan.



5. Sekiranya pihak sekolah-sekolah menengah di bawah kelolaan pihak tuan berminat untuk menyertai pertandingan ini, berikut adalah maklumat berkaitan pendaftaran penyertaan:

Yuran pendaftaran : RM10 bagi setiap pelajar  
Tarikh tutup pendaftaran : 12 JUN 2019

Untuk mendaftar, setiap sekolah perlu menghantar borang pendaftaran dan bukti pembayaran yuran pendaftaran melalui laman sesawang rasmi IMC: [www.iium.edu.my/imc](http://www.iium.edu.my/imc) atau terus ke borang penyertaan atas talian di <https://form.jotform.me/90478622073459>.

6. Pembayaran boleh dibuat secara pemindahan dana elektronik (EFT) ke akaun bank seperti berikut:

Nama akaun : IIUM KUANTAN  
Nombor akaun : 0601 000 2738 719  
Nama bank : MUAMALAT MALAYSIA BERHAD  
Cawangan : KUANTAN

Pendaftaran hanya sah setelah pembayaran yuran pendaftaran berjaya dilakukan.

7. Bersama-sama ini turut dilampirkan surat kelulusan dari pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menjalankan program ini.

8. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, tuan/puan boleh berhubung dengan Dr Nurul Najihah binti Mohamad di talian 09-5715082 atau alamat emel [cts@iium.edu.my](mailto:cts@iium.edu.my).

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**DR NURUL NAJIHAH BINTI MOHAMAD**  
Pengerusi Program Pertandingan Matematik UIAM 2019 (IMC 2019)  
Jabatan Sains Pengkomputeran dan Teori,  
Kulliyah Sains, UIAM

s.k. : Prof. Madya Dr Shahbudin Saad  
Dekan, Kulliyah Sains, UIAM

Dr Nurul Farahain Mohammad  
Ketua, Jabatan Sains Pengkomputeran dan Teori,  
Kulliyah Sains, UIAM

SEKTOR PENGURUSAN AKADEMIK	
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR	
Tuan / Puan :	Tn Hj Zulkapli
Tindakan :	/
Pincang :	
Edaran :	
Makluman :	
Fail :	
Catatan :	
Tandatangan	21/3/2019
	Tarikh

